

## **PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU DI SELANGOR DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU (DEB), 1970-1990**

**THE DEVELOPMENT OF NEW VILLAGES IN SELANGOR UNDER THE NEW  
ECONOMIC POLICY (NEP), 1970-1990**

**Mohammad Bukhari Bin Badrol Hisham\***

**Ho Hui Ling\*\***

**Universiti Malaya, MALAYSIA**

### **Abstrak**

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji tentang pembangunan kampung baru di Selangor yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan di bawah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 sehingga tahun 1990. Kampung baru di Selangor telah diwujudkan sejak zaman darurat akibat ancaman komunis di Tanah Melayu. Kampung baru merupakan kawasan penempatan semula yang dibentuk di bawah Undang-undang Darurat melalui Rancangan Briggs pada tahun 1950. Tujuan kampung baru ini diwujudkan adalah untuk menyekat kolaborasi antara masyarakat setinggan Cina dengan gerila komunis. Selepas tamatnya darurat pada tahun 1960, penempatan kampung baru didakwa tidak mendapat perhatian khusus dan sewajarnya. Keadaan ini menyebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati dalam kalangan penduduk kampung baru terhadap pelaksanaan dasar kerajaan. Oleh yang demikian, pihak kerajaan telah berusaha melaksanakan pembangunan di kawasan kampung baru di Selangor. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis dokumen yang diperoleh di Arkib Negara Malaysia seperti fail Kementerian Pertahanan, fail Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, fail Jabatan Perdana Menteri dan fail Majlis Keselamatan Negara. Kajian turut disokong oleh sumber kedua yang diperoleh dari Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Arkib Negara Malaysia. Hasil kajian ini mendapati kerajaan telah melaksanakan pembangunan yang membawa kepada perubahan dan kemajuan kepada kampung baru di Selangor dari tahun 1970 sehingga tahun 1990. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa kampung baru di Selangor diberi perhatian khusus oleh kerajaan di bawah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) melalui usaha membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

**Kata kunci:** Kampung Baru, Rancangan Briggs, Selangor, Komunis, Dasar Ekonomi Baru (DEB)

### **Abstract**

*This article aims to examine the development of new villages in Selangor, implemented by the government under the New Economic Policy (NEP) from 1970 to 1990. New villages in Selangor were established during the Emergency period due to the communist threat in Malaya. These new villages were resettlement areas formed under the Emergency Regulations through the Briggs Plan in 1950. The purpose of establishing these new villages*

*was to prevent collaboration between Chinese squatters and communist guerrillas. After the Emergency ended in 1960, new village settlements were reportedly not given adequate and proper attention. This situation led to dissatisfaction among the residents of new villages regarding the implementation of government policies. Therefore, the government sought to implement development programs in new village areas in Selangor. This study employs a qualitative approach to analyze documents obtained from the National Archives of Malaysia, such as files from the Ministry of Defence, the Selangor State Secretary's Office, the Prime Minister's Department, and the National Security Council. The study is also supported by secondary sources from the University of Malaya Library and the National Archives Library of Malaysia. The findings of this study indicate that the government implemented development programs that brought transformation and progress to new villages in Selangor from 1970 to 1990. In conclusion, this study shows that new villages in Selangor received special attention from the government under the implementation of the New Economic Policy (NEP) through efforts to eradicate poverty and restructure society.*

**Keywords:** *New Villages, Briggs Plan, Selangor, Communists, New Economic Policy (NEP)*

## **Pengenalan**

Kampung baru mula dibina di Tanah Melayu semasa zaman darurat yang diisyiharkan oleh pentadbiran British akibat ancaman komunis terhadap keselamatan negara. Langkah ini merupakan sebahagian daripada strategi British untuk menangani kegiatan komunis dan melindungi penduduk setempat. Salah satu langkah utama adalah melalui rancangan penempatan semula penduduk yang terdedah kepada pengaruh komunis ke kawasan kampung baru. Melalui penubuhan kampung baru, British berjaya menyekat kolaborasi antara masyarakat setinggan terutama orang Cina dengan gerila komunis. Selangor dikenal pasti sebagai kawasan penting dalam gerakan komunis kerana kedudukannya yang strategik, kepadatan penduduk yang tinggi, dan kewujudan kawasan ladang serta hutan yang sesuai untuk perlindungan dan operasi komunis. Justeru, kampung baru didirikan di negeri ini untuk memastikan kawalan keselamatan yang lebih ketat dan menghapuskan pengaruh komunis. Walaupun zaman darurat telah berakhir pada tahun 1960, kampung baru terus wujud sebagai kawasan penempatan masyarakat. Di atas kesedaran kerajaan untuk mengekalkan keselamatan dan keharmonian, aspek pembangunan kampung baru telah diberikan tumpuan khususnya dalam kerangka Dasar Ekonomi Baru (DEB) dari tahun 1970 hingga 1990. Pembangunan di kawasan ini dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk, mengurangkan kadar kemiskinan, dan memperkuuh perpaduan nasional melalui pengagihan sumber yang lebih adil. Oleh yang demikian, artikel ini meneliti usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam memberi penekanan kepada aspek pembangunan di kawasan kampung baru. Sejarah pembentukan kampung baru di Selangor telah membawa pelbagai masalah dan tekanan kepada penduduknya. Masalah ini sering menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, kerajaan berusaha melaksanakan langkah-langkah tersusun untuk mengatasi cabaran ini. Kerajaan sedar bahawa tanpa sokongan penduduk kampung baru, usaha untuk menghadapi ancaman keselamatan sukar untuk dicapai.

## Latar Belakang Kampung Baru Di Selangor

Kampung baru merupakan kawasan penempatan semula yang dibentuk di bawah Undang-undang Darurat melalui Rancangan Briggs pada tahun 1950.<sup>1</sup> Rancangan ini bertujuan untuk membanteras ancaman komunis di Tanah Melayu dengan menghalang sebarang bentuk bantuan yang disalurkan daripada masyarakat kepada pihak gerila komunis. Dalam usaha tersebut, tindakan pengumpulan dan pemindahan penduduk setinggan Cina yang tinggal di kawasan pinggir hutan ke dalam kawasan perkampungan yang dikawal rapi oleh anggota pasukan keselamatan dilaksanakan. Kawasan penempatan ini juga dilindungi dengan pagar berduri untuk mengelakkan pencerobohan dari luar. Asas utama pembentukan penempatan ini adalah untuk menyekat kolaborasi antara masyarakat setinggan Cina dengan gerila komunis. Melalui pembentukan kampung baru, kolonial British berjaya menyekat sebarang bentuk hubungan di antara gerila komunis dengan penduduk. Zaman darurat tamat pada tahun 1960 di atas kejayaan kerajaan membanteras ancaman gerila komunis di seluruh negara. Dalam mengatasi ancaman komunis di bawah Rancangan Briggs, sehingga tahun 1951 terdapat sejumlah 444 buah kampung baru ditubuhkan di Tanah Melayu.<sup>2</sup> Dalam proses pembinaan kampung baru, sejumlah 573,000 orang dipindahkan ke penempatan kampung baru pada tahun 1951.<sup>3</sup> Daripadanya, sejumlah 300,000 orang adalah terdiri daripada penduduk setinggan terutama orang Cina.<sup>4</sup>

Penempatan penduduk kampung baru di Selangor dilakukan secara berperingkat dan sebanyak 42 buah kampung diwujudkan pada tahun 1950-an. Daripada jumlah penduduk kampung baru, 86 peratus adalah orang Cina, sembilan peratus daripada bangsa Melayu, empat peratus orang India, dan satu peratus daripada lain-lain kaum.<sup>5</sup> Sebahagian besar daripada penduduk yang dipindahkan ke kawasan penempatan kampung baru terdiri daripada orang Cina kerana kecenderungan dalam memberikan sokongan kepada komunis. Negeri Selangor merupakan antara negeri yang terlibat secara langsung dalam pembentukan kampung baru. Negeri Selangor terdiri daripada enam daerah, iaitu Kuala Lumpur, Ulu Selangor, Ulu Langat, Klang, Kuala Langat, dan Kuala Selangor. Walaupun zaman darurat telah berakhir, kampung baru yang dibentuk semasa tempoh tersebut terus wujud sebagai penempatan tetap bagi penduduk. Di Selangor, jumlah kampung baru yang wujud dan berkembang selepas zaman darurat terus memainkan peranan penting dalam pembangunan kawasan luar bandar dan sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan taraf hidup penduduk. Jadual 1 menunjukkan senarai pada tahun 1970, kawasan kampung baru yang diwujudkan di sekitar Selangor:

Jadual 1: Senarai Lokasi Kampung Baru di Negeri Selangor pada tahun 1970

Negeri	Daerah	Lokasi	Jumlah Penduduk
Ulu Selangor		Ampang Pechah	5202
		Batang Kali	632
		Kalumpang	3667
		Kerling	2967
		Rasa	5080
		Rawang	2335
		Serendah	3731
		Kuang	1486
		Kundang	1565
		Ulu Bernam	3859
		Kg Gurney, Ulu Yam Baru	693

Negeri Selangor	Kuala Selangor	Batang Berjuntai	2609
		Ijok	1830
		Sekinchan	8373
		Ulu Tiram, Buruk	1364
	Kuala Langat	Jenjarom	7088
		Salak	1117
		Sepang	1956
		Sg. Pelek	4726
		Tanjung Sepat	6730
		Batu 9, Cheras	3472
	Ulu Langat	Batu 11, Cheras	2595
		Batu 14, Ulu Langat	1829
		Batu 18, Ulu Langat	913
		Balakong	1618
		Kg. Bharu Bangi	2046
		Kg. Bharu Dengkil	2349
		Semenyih	7849
		Sg. Chuah	5955
		Tarun (Broga)	547
Kuala Lumpur	Kuala Lumpur	Ampang	11088
		Hot Spring	8270
		Jinjang	27436
		Puchong Bt. 14	2802
		Salak South	9576
		Serdang Bharu	13901
		Subang	3132
		Sg. Buluh	3847
		Sg. Penchala	1579
		Sg Way	9046
		Ulu Kelang	3940
		Pandamaran	14524

Sumber: Diubahsuai daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Surat kepada Setiausaha Kementerian Perancangan Am & Penyelidikan Sosio-Ekonomi, dalam fail Penyelidikan Sosio-Ekonomi 431/Jld 1, Kajian Ke Atas Kampung-kampung Baru, 1976.

Jadual 1 menunjukkan senarai lokasi kampung baru di Selangor pada tahun 1970. Antara penempatan kampung baru di daerah Ulu Selangor termasuklah di Ampang Pechah, Batang Kali, Kalumpang, Kerling, Rasa, Rawang, Serendah, Kuang, Kundang, Ulu Bernam, Kg Gurney dan Ulu Yam Baru. Di daerah Kuala Selangor, kampung baru yang dibina ialah di Batang Berjuntai, Ijok, Sekinchan, Ulu Tiram dan Buruk. Di daerah Kuala Langat, kampung baru dibina di Jenjarom, Salak, Sepang, Sg. Pelek dan Tanjung Sepat. Di daerah Ulu Langat, kampung baru dibina di Batu 9, Cheras, Batu 11, Cheras, Batu 14, Ulu Langat, Batu 18, Ulu Langat, Balakong, Kg. Baru Bangi, Kg. Baru Dengkil, Semenyih, Kg. Baru Sg. Chuah, dan Tarun (Broga). Di Kuala Lumpur, kampung baru dibina di Ampang, Hot Spring, Jinjang, Puchong Bt. 14, Salak South, Serdang Bharu, Subang, Sg. Buluh, Sg. Penchala, Sg Way dan Ulu Kelang serta di daerah Klang di Pandamaran. Masyarakat di Selangor terdiri daripada masyarakat yang berbilang bangsa antaranya Melayu, Cina, India dan penduduk Asli.<sup>6</sup> Bagaimanapun, majoriti penduduk kampung baru di Selangor adalah terdiri daripada kaum Cina.<sup>7</sup>

## Kampung Baru Dalam Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Sejak dari tahun 1960, pelaksanaan rancangan pembangunan bagi memajukan kawasan luar sektor kawasan luar bandar giat dijalankan oleh kerajaan kerana merupakan petempatan hampir 70 peratus penduduk di Malaysia.<sup>8</sup> Walaupun kerajaan telah menjalankan pelbagai rancangan pembangunan, namun 90 peratus daripada penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar masih berada dalam kemiskinan iaitu di bawah paras pendapatan per kapita \$25.00 sebulan.<sup>9</sup> Pelbagai rancangan pembangunan masyarakat dilancarkan bertujuan untuk membaiki mutu hidup masyarakat dalam aspek sosial dan ekonomi. Dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), kampung baru menjadi salah satu kawasan yang diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Oleh demikian, pendekatan dilaksanakan oleh kerajaan dalam pembangunan sosial bagi memajukan kampung baru di Selangor selaras dengan objektif pelaksanaan DEB. Rancangan ini mendukung matlamat kerajaan untuk mencapai objektif membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan mengukuhkan keselamatan negara. Kerajaan sedar tanggungjawab membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat adalah isu yang perlu ditangani secara berterusan. DEB digubal berdasarkan data yang diperoleh daripada bancian penduduk yang dijalankan pada tahun 1970.<sup>10</sup> Keputusan hasil bancian yang dilakukan terhadap tahap ekonomi penduduk menunjukkan 50 peratus keluarga di Semenanjung Malaysia berada di bawah garis kemiskinan. Oleh hal demikian, dasar ini adalah satu strategi serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat secara menyeluruh.<sup>11</sup>

Dalam pelaksanaan DEB, pembangunan ekonomi yang digabungjalinkan dengan pembangunan sosial dapat mengurangkan jurang perbezaan antara golongan masyarakat miskin dengan golongan masyarakat yang kaya. Objektif khusus ialah mengurangkan kemiskinan luar bandar secara menyeluruh terutama dalam kalangan penduduk kampung baru, golongan nelayan, golongan petani, pekebun kecil getah, kelapa, buruh ladang, buruh pertanian dan Orang Asli. Di Selangor, penduduk di kampung baru menghadapi masalah infrastruktur yang daif dan masalah penyelenggaraan kemudahan. Kampung baru juga menghadapi masalah lebihan penduduk disebabkan oleh pertambahan penduduk mewujudkan masalah pengangguran terutama kepada golongan belia.<sup>12</sup> Oleh yang demikian, kerajaan mengambil langkah membantu penduduk yang sukar untuk memiliki rumah kerana hidup dalam kemiskinan melalui penyediaan program perumahan dengan membina rumah kos rendah bagi golongan kurang berkemampuan yang tidak memiliki rumah dan penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan awam dalam memberikan keselesaan kepada penduduk.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga (RMK-3), pada tahun 1976 Jawatankuasa Anggaran bagi Kementerian Perumahan dan Kampung Baru meluluskan peruntukan sejumlah \$500 juta untuk membangunkan perumahan masyarakat di kampung baru.<sup>13</sup> Jumlah kampung baru adalah sebanyak 466 buah di Semenanjung Malaysia dengan jumlah penduduk melebihi satu juta orang sehingga tahun 1970. Melalui lawatan ke kampung baru di seluruh Malaysia oleh Menteri Perumahan dan Kampung Baru mendapat 20 sehingga 30 peratus daripada keperluan kampung baru dapat dipenuhi.<sup>14</sup> Oleh yang demikian, terdapat kampung baru di Selangor membuat permohonan untuk program pembangunan kampung baru berjumlah \$10 juta dalam RMK-3 atau sebanyak 2 juta setahun.<sup>15</sup> Sepanjang pelaksanaan DEB, peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk pembangunan kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia ialah di bawah RMK-2 sebanyak 12 juta, Rancangan Malaysia Ketiga (RMK-3) dengan 23.7 juta, Rancangan Malaysia Keempat (RMK-4) dengan 24.50 juta dan Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5) sebanyak 8 juta sehingga tahun 1998.<sup>16</sup>

Selain itu, dalam usaha untuk mendapatkan kerjasama yang erat dari masyarakat, kerajaan mengambil langkah menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).<sup>17</sup> JKKK merupakan penghubung di antara masyarakat dengan kerajaan dan bertanggungjawab menerjui kepimpinan di peringkat kampung untuk kemajuan dan keselamatan masyarakat. Selain itu, kerajaan juga menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Kemajuan dan Keselamatan Mukim (JPKKM).<sup>18</sup> Kerajaan sedar sekiranya keadaan di kampung baru tidak diambil perhatian, masalah keselamatan akan bertambah buruk akibat lahir perasaan tidak berpuas hati daripada masyarakat.

### **Pembangunan Di Kampung Baru Selangor**

Rancangan pembangunan kampung baru menumpukan perhatian terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat di kampung baru. Pelaksanaan ini adalah untuk menafikan tuduhan yang menyatakan kampung baru diabaikan dalam pelbagai rancangan pembangunan di negara ini dan diketepikan dari arus pembangunan ekonomi nasional.<sup>19</sup> Namun begitu, masalah di kampung baru bukanlah masalah yang boleh diselesaikan dalam waktu yang singkat. Usaha membangun dan menyelesaikan masalah yang timbul di kampung baru mengambil masa dan perancangan yang panjang.<sup>20</sup> Pembangunan di kampung baru merangkumi tindakan bagi memastikan suatu pengagihan kemudahan dan perkhidmatan yang adil atas dasar keperluan hidup. Langkah ini dapat memupuk integrasi dan interaksi antara kaum yang lebih sihat kerana wujudnya agihan kemudahan yang seimbang antara kaum. Secara tidak langsung, keadaan ini menunjukkan kerajaan memberi perhatian kepada pembangunan semua masyarakat tanpa mengira kaum. Melalui penyediaan kemudahan ini, masyarakat berbilang bangsa dapat menikmati kemudahan yang sama dan secara tidak langsung dapat mewujudkan interaksi yang harmoni antara masyarakat berbilang kaum. Dengan itu, penduduk kampung baru dapat menikmati kehidupan sosioekonomi yang seimbang. Oleh yang demikian, peruntukan sejumlah \$3 juta diperuntukkan untuk membantu kerajaan Selangor dalam projek-projek kecil di kampung baru pada tahun 1973.<sup>21</sup> Tanggungjawab dalam pembangunan kampung baru di Selangor dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri melalui pelbagai kementerian dan agensi.

### **Pemberian Geran Tanah**

Dalam usaha meningkatkan taraf sosial masyarakat kampung baru di Selangor, banyak di antara rancangan-rancangan pembangunan melibatkan isu tanah. Dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku di kampung baru, ketidakupayaan penduduk di kampung baru untuk mendapatkan tanah adalah punca wujudnya masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh mereka.<sup>22</sup> Kerajaan sedar projek-projek untuk membaiki keadaan kampung baru dapat dilaksanakan apabila masalah berkaitan tanah diselesaikan. Menurut Raja Long Chik bin Raja Ishak.

“...tanah yang ada mesti disegerakan mendapat geran, pajakan atau sebagainya. Banyaknya masih lagi T.O.L. kadang-kadang dalam satu lot itu 3-4 nama orang terjadi di Sungai Chua. Cukup banyak begini lotnya satu tetapi 3-4 orang, ada suratnya-suratnya T.O.L. kepada 3-4 orang. Jadi orang itu nanti bergaduh antara satu sama lain ini mesti

diselesaikan dengan seberapa segera terutama di Sungai Chua....”<sup>23</sup>

Kenyataan Raja Long Chik bin Raja Ishak di Dewan Rakyat pada 16 Januari 1974 menggariskan isu pemilikan tanah di kampung baru, khususnya di Sungai Chua, sebagai masalah yang perlu diselesaikan dengan segera.<sup>24</sup> Beliau menegaskan bahawa ramai penduduk yang telah menetap di kawasan tersebut masih tidak memiliki dokumen pemilikan tanah yang sah seperti geran atau pajakan. Sebaliknya, ramai yang hanya memegang dokumen sementara, iaitu Lesen Pendudukan Sementara (T.O.L.), yang sering menimbulkan isu berkaitan hak milik. Keadaan ini menjadi lebih rumit apabila satu lot tanah didaftarkan kepada tiga hingga empat nama individu di bawah T.O.L., seperti yang dilaporkan di Sungai Chua. Keadaan tersebut berpotensi mencetuskan konflik antara pemegang dokumen apabila berlaku ketidakpastian mengenai hak pemilikan tanah. Konflik dalaman ini bukan sahaja menjelaskan keharmonian masyarakat tetapi juga melambatkan usaha pembangunan kawasan. Oleh yang demikian, Raja Long Chik mencadangkan agar kerajaan segera mengambil langkah menyelesaikan isu pemilikan tanah ini. Proses pengeluaran geran tanah yang sah kepada pemilik perlu dipercepatkan untuk memberikan kepastian hak milik kepada penduduk. Dengan adanya dokumen pemilikan tanah yang sah, risiko pertikaian dapat dikurangkan, seterusnya memacu pembangunan yang lebih teratur dan berdaya maju.

Masalah berkenaan dengan pemilikan tanah berkait rapat dengan status tanah yang diduduki oleh penduduk di kampung baru. Menurut Menteri Tugas-tugas Khas, Lee San Choon, terdapat kampung baru di Selangor dibina di atas tanah milik persendirian semasa awal penubuhan kampung baru. Masalah ini menyebabkan terdapat individu yang menuntut semula tanah tersebut. Penyelesaian yang boleh dilaksanakan ialah melalui cara tanah tersebut diambil semula dan diserahkan kepada pemilik asal, dibelah-bahagi dan diberi milik kepada penduduk berkenaan, atau penduduk dipindahkan ke tempat yang lain.<sup>25</sup> Sehubungan dengan ini, kerajaan negeri mengambil perhatian bahawa terdapat kampung baru yang terletak di atas tanah milik individu dan mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelesaikan masalah ini. Dalam mesyuarat Majlis Keselamatan Negara pada tahun 1972, satu keputusan diambil untuk menyelesaikan isu berkenaan tanah. Jawatankuasa bersetuju untuk memberikan hak milik tanah kepada tuan punya rumah yang menduduki tanah secara haram. Namun, bagi tanah pertanian yang dikerjakan secara haram, Jawatankuasa bersetuju supaya dasar ini tidak diikuti tetapi satu kertas disediakan mengenai hal ini untuk dikemukakan kepada Majlis Tanah Negara.<sup>26</sup> Kebanyakan daripada penduduk di kampung baru membuat permintaan untuk mendapatkan tanah pertanian. Ini adalah akibat kemerosotan harga getah yang menyebabkan penduduk merasai pendapatan mereka tidak mencukupi untuk menampung kehidupan. Oleh yang demikian, mereka memerlukan tanah bagi menambahkan pendapatan atau sekurang-kurangnya memberi jaminan untuk bercucuk tanam. Di sekitar kampung baru, terdapat tanah dikerjakan secara haram atau dibuka secara bersyarat. Tanah-tanah ini haruslah dipecahkan untuk diberi kepada penduduk yang memerlukan.<sup>27</sup>

Namun begitu, penduduk kampung baru yang memiliki tanah daripada pihak kerajaan dikenakan beberapa syarat. Syarat yang dikenakan ialah hak menduduki tanah dengan

tempoh pajakan tanah selama 30 tahun. Selepas tempoh pajakan itu tamat, penduduk dikendaki memperbaharui semula. Bayaran juga akan dikenakan kepada mereka apabila kerja memperbaharui lesen hak milik tanah dilakukan. Selain itu, kerajaan menetapkan syarat iaitu tanah tersebut tidak boleh dipindah milik, disewa ataupun dijual kecuali mendapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri. Pemilik tanah tidak boleh menggadaikan tanah milik mereka untuk

mendapat wang pinjaman. Penduduk kampung yang ingin memiliki tanah ini perlu berhubung dengan Pegawai Tanah Negeri Selangor. Lesen hak milik tanah dikeluarkan melalui beberapa tatacara yang perlu diikuti oleh pemohon seperti membuat pembayaran tanah, memperoleh surat kebenaran menduduki tanah dan sukanan tanah oleh pegawai Jabatan Tanah Negeri Selangor.<sup>28</sup> Peraturan tersebut dikenakan terhadap penduduk yang memperolehi hak milik tanah untuk memastikan tanah tidak bertukar tangan kepada orang lain.

Selain itu, pemberian tanah-tanah yang demikian bukan sahaja kepada penduduk tanah haram bahkan juga kepada orang kampung yang tinggal berhampiran. Ini dapat mengelakkan tuduhan bahawa kerajaan hanya memusatkan perhatian kepada penduduk kampung baru sahaja terutama sekali daripada orang Melayu yang pada masa itu terpaksa turut menyertai rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) untuk mendapatkan tanah.<sup>29</sup> Pemberian tanah itu haruslah berpandukan kepada syarat bahawa pemohon tanah itu hendaklah tidak mempunyai tanah, berpendapatan rendah dan bercucuk tanam sebagai mata pencarian. Luas kawasan tanah yang diberi adalah tidak melebihi empat ekar. Tanah jenis ini tidak boleh dijual selama beberapa tahun dan tidak boleh ditanam dengan sebarang tanaman kecuali tanaman yang ditetapkan. Pemberian tanah ini berdasarkan kepada penggunaan yang rasional. Kerajaan Negeri haruslah menentukan jenis-jenis tanaman yang boleh diusahakan dengan berpandukan kepada nasihat Jawatankuasa Pembangunan Negeri.<sup>30</sup> Keengganan penduduk di kampung baru di Selangor terutama orang Cina untuk menyertai rancangan tanah (LKTP) anjuran kerajaan disebabkan oleh tiada pengetahuan yang meluas mengenai rancangan tersebut. Terdapat lot-lot perumahan yang kosong di kawasan kampung baru yang berjauhan daripada bandar. Sungguhpun demikian, masalah penting ialah pengeluaran surat hak milik yang masih belum dilakukan. Di kampung baru yang berhampiran dengan bandar pula terdapat kekurangan tanah untuk kawasan perumahan. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, tanah-tanah berhampiran atau tanah bekas lombong ini digunakan untuk mendirikan kawasan petempatan.

Oleh yang demikian, untuk mengatasi permasalahan yang berlaku di kawasan kampung baru, Kerajaan Pusat menuahkan sebuah jawatankuasa peringkat tinggi yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan termasuk Menteri Besar atau Ketua Menteri. Penubuhan jawatankuasa ini bertujuan bagi menyelia dan menyelaraskan pelaksanaan pembangunan di kampung baru bagi memastikan bahawa pembentukan dan pelaksanaan projek pembangunan ini benar-benar mencerminkan kehendak semua kaum.<sup>31</sup> Jawatankuasa ini juga bertujuan memastikan bahawa Kerajaan Negeri memberi komitmen yang penuh kepada tugas mempercepatkan pengeluaran geran tanah di kampung baru. Dengan adanya penubuhan Jawatankuasa ini, masalah bersabit dengan tanah dapat diselesaikan dengan baik dan tegas melalui perundingan yang sesuai dengan Kerajaan Negeri. Dana yang lebih besar juga dapat disalurkan bagi mempercepatkan kerja-kerja seperti ukur tanah, susun atur pecah bahagian dan lain-lain urusan yang menjadi masalah di beberapa kampung baru di Selangor.

Dalam mencapai objektif meningkatkan taraf sosial masyarakat kampung baru, antara perkara yang diberi perhatian oleh kerajaan adalah berkenaan pemberian geran tanah kepada penduduk. Dalam soal tanah, oleh kerana bilangan penduduk di kampung baru bertambah berlipat kali ganda selepas negara mencapai kemerdekaan, banyak tanah yang diberi kepada penduduk masih belum memuaskan hati kerana mereka memerlukan tanah yang lebih luas. Kerajaan Pusat mengambil langkah dengan cara berhubung dengan Kerajaan Negeri untuk mempercepatkan pemberian geran tanah yang diduduki oleh penduduk di kampung baru. Pemilikan tanah yang sah dapat memberikan keyakinan kepada penduduk terhadap setiap dasar

yang dilakukan oleh kerajaan demi menjaga kebajikan mereka di kampung baru. Isu berkenaan pemberian geran tanah ini kepada penduduk di kampung baru telah dibangkitkan dalam sidang Dewan Rakyat pada 3hb Mei, 1973.<sup>32</sup> Berdasarkan penyataan daripada Menteri Tugas-tugas Khas, Dr Lim Keng Yaik dalam sidang Dewan Rakyat, mengikut perangkaan yang dikumpulkan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, surat milik bagi sejumlah 46,969 lot tanah di kampung baru dikeluarkan sehingga 31 Januari 1973.<sup>33</sup> Selain itu, permohonan lot-lot yang diluluskan pula berjumlah 13,549. Lot-lot yang belum dikeluarkan surat milik pada tarikh tersebut diduduki dengan Lesen Tumpangan Sementara (TOL) adalah berjumlah 32,972.<sup>34</sup>

Tidak dapat dinafikan, terdapat juga penduduk di kampung baru yang menghadapi masalah kekurangan wang untuk membayar premium ataupun bayaran geran. Masalah ini menjadi punca sebilangan penduduk tidak mengambil geran dari Kerajaan Negeri Selangor. Pihak kerajaan mengambil pendekatan, sekiranya terdapat penduduk yang tidak mempunyai wang yang cukup untuk membayar premium atau bayaran geran, mereka boleh membuat rayuan untuk membayar premium secara ansuran di pejabat tanah.<sup>35</sup> Isu mengenai pajakan tanah berkenaan lanjutan dan tempoh premium mendapat perhatian pihak kerajaan. Pada 12 Jun 1990, Dr. Tan Seng Giaw, Ahli Parlimen Kepong, mengemukakan beberapa persoalan mengenai pajakan tanah di Jinjang Utara, Jinjang Selatan, dan Air Panas, yang dijangka tamat pada penghujung tahun 1990.<sup>36</sup> Dalam jawapan yang diberikan pada 14 Mac 1990, kerajaan menyatakan bahawa keputusan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah (JKTW) berkenaan dengan pembaharuan pajakan tanah tersebut dijangka akan diumumkan dalam masa terdekat. Walau bagaimanapun, pada 18 Mac 1990, pihak MCA, melalui Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mengumumkan bahawa JKTW telah memutuskan untuk melanjutkan tempoh pajakan di Jinjang Utara dan Jinjang Selatan, tetapi tidak menyebutkan kawasan Air Panas. Keputusan tersebut mencadangkan lanjutan tempoh pajakan selama 99 tahun dengan premium sebanyak RM1.50 sekaki persegi, serta bayaran ansuran selama 10 tahun.<sup>37</sup> Namun demikian, apabila Dr. Tan Seng Giaw menghubungi Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan pada 20 Mac 1990, pegawai berkenaan enggan memberikan penjelasan mengenai keputusan tersebut. Terdapat juga laporan bahawa status pajakan tanah di Air Panas masih belum diputuskan. Sehubungan dengan itu, Dr. Tan mengemukakan beberapa soalan kepada kerajaan, termasuk mengenai keputusan berkaitan pembaharuan pajakan tanah di Jinjang Utara, Jinjang Selatan, dan Air Panas, serta tarikh keputusan tersebut diumumkan, faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan pembaharuan pajakan, tempoh lanjutan pajakan, dan kadar premium yang dikenakan.<sup>38</sup> Beliau juga meminta penjelasan mengenai formula yang digunakan dalam lanjutan tempoh pajakan tanah, khususnya bagi kawasan Jinjang, yang berdasarkan model Salak Selatan dengan premium RM1.50 sekaki persegi dan bayaran ansuran selama 10 tahun.

Dalam jawapannya, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Othman bin Abdul menjelaskan bahawa kerajaan telah meneliti dan bersetuju secara prinsip untuk melanjutkan tempoh pajakan tanah di kawasan Kampung Baru, khususnya di Jinjang Utara dan Jinjang Selatan.<sup>39</sup> Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan melaksanakan keputusan tersebut dan memberi keutamaan kepada permohonan yang telah dikemukakan di kedua-dua kawasan berkenaan. Bagi kawasan Kampung Baru Air Panas, proses kajian dan penilaian masih diteruskan. Tuan Othman juga mengesahkan bahawa premium yang dikenakan adalah sebanyak RM1.50 sekaki persegi, dengan bayaran boleh dibuat secara ansuran selama 10 tahun.<sup>40</sup> Sehingga Mei 1990, sebanyak lima mesyuarat telah diadakan untuk membincangkan isu ini dan mencapai keputusan yang wajar.

Selain itu, kerajaan juga melanjutkan pajakan tanah tidak hanya sehingga tempoh 25-30 tahun, namun dipanjangkan sehingga selama 60 tahun kepada penduduk kampung baru di Selangor.<sup>41</sup> Lanjutan pegangan pajakan tanah di kampung baru ini Jawatankuasa ini juga memastikan bahawa berbagai-bagai Rancangan "Kampung Tersusun" dan rancangan kemajuan pertanian atau penempatan semula dilaksanakan mengikut cara yang adil. Satu Jawatankuasa Teknik ditubuhkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi menentukan garis panduan teknik yang lebih mudah untuk mengawal pembangunan, merasionalisasikan susun atur kampung baru, meningkatkan mutu, memperkembangkan infrastruktur, merekabentuk serta merancang penempatan dan pengumpulan semula kampung baru.<sup>42</sup>

Di samping ini juga, garis panduan undang-undang dibentuk bagi mempercepatkan pemberian tanah kepada penduduk di kampung baru. Di Selangor, terdapat banyak tanah bekas perlombongan yang tidak digunakan secara sepenuhnya.<sup>43</sup> Oleh kerana banyak kampung baru di Selangor terletak berhampiran dengan bekas tanah perlombongan, wujud potensi besar bagi tanah kerajaan ini dimajukan demi faedah kampung baru dan penduduk sekitar. Namun begitu, di bawah undang-undang yang sedia ada, pemilikan tanah perlombongan dikembalikan secara automatik kepada kerajaan selepas tamat tempoh pajak atas tanah ini. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri membentuk suatu dasar bagi membenarkan tanah ini dimajukan semula oleh pemilik-pemilik asalnya.<sup>44</sup> Syarat-syarat seperti penyerahan sebahagian daripada tanah kepada Kerajaan Negeri untuk kegunaan sektor awam seperti pembinaan rumah kos rendah, taman rekreasi dan kemudahan awam merupakan penentuan tujuan tanah ini boleh digunakan. Jika pemilik-pemilik tanah yang asal tidak menggunakan kesempatan bagi memajukan tanah dalam tempoh yang ditetapkan, maka Kerajaan Negeri menawarkan tanah ini kepada pemaju-pemaju swasta yang lain atau memperuntukkan kepada penduduk di kampung baru yang memerlukan tanah.<sup>45</sup>

### **Penyediaan Rumah Murah/ Kos Rendah**

Di bawah Rancangan Dasar Ekonomi Baru (DEB), kerajaan memberi perhatian kepada masalah berkenaan kekurangan rumah kediaman dalam menampung peningkatan jumlah penduduk kampung baru di Selangor. Banyak kampung baru khasnya yang terletak di pusat bandar menghadapi masalah kesesakan penduduk yang serius. Di Selangor, terdapat penduduk yang membuat permohonan tanah kepada pihak kerajaan bagi membina rumah kediaman. Namun begitu, Kerajaan Pusat tidak dapat memberikan tanah kepada penduduk disebabkan tidak mempunyai tanah untuk memperbesarkan kawasan kampung baru. Dalam menyelesaikan masalah rumah kediaman, pihak kerajaan mengambil pendekatan melalui kajian yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan di bawah Kertas Pengkajian No.6 dan No.7 meliputi perangkaan terhadap keperluan perumahan di Semenanjung Malaysia.<sup>46</sup> Pihak kerajaan menyediari keperluan perumahan dalam kalangan orang miskin serta kalangan pekerja yang kurang berkemampuan.<sup>47</sup> Justeru itu, dalam usaha mengatasi masalah kekurangan rumah yang dihadapi oleh penduduk kampung baru dan sekitarnya, kerajaan mengambil pendekatan menyediakan kemudahan dengan membina rumah kos rendah bagi memenuhi keperluan penduduk kampung baru serta golongan yang berpendapatan rendah.<sup>48</sup> Oleh yang demikian, kerajaan mendirikan lebih banyak rumah murah sama ada di kampung baru atau di bandar. Dalam memenuhi hasrat ini di bawah RMK-2 tahun 1975-1980, peruntukan kewangan sejumlah \$116.66 juta diperuntukkan.<sup>49</sup> Oleh itu, lebih kurang 63,500 unit rumah murah dapat dibina di sekitar Selangor.<sup>50</sup>

Dalam mengatasi masalah rumah di kawasan kampung baru di Selangor, kerajaan telah merancang pelaksanaan pembinaan rumah murah yang berhampiran dengan kawasan kampung baru. Pembinaan rumah murah ini bukan hanya dapat dinikmati oleh penduduk kampung baru, tetapi juga memberi manfaat kepada golongan yang tidak memiliki rumah bawah RMK-2 tahun 1975-1980. Kerajaan Pusat telah menyediakan peruntukan sebanyak \$10 juta untuk membantu Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan pelbagai projek dengan tujuan membaiki keadaan kampung baru. Selain itu, di bawah RMK-2, sebanyak 21 projek rancangan rumah murah telah diluluskan di kampung baru serta kawasan yang berhampiran. Rancangan ini mengandungi sebanyak 1,436 unit rumah dengan perbelanjaan lebih kurang \$7.3 juta.<sup>51</sup> Kerajaan sangat memberi penekanan kepada pemilikan rumah kediaman penduduk. Hal ini dapat dilihat berdasarkan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah pada 5 Disember 1990:

“...Perhatian akan diberi kepada pendekatan mengintegrasikan kampung-kampung, yang sebelum ini dikenali sebagai kampung-kampung baru, ke dalam rancangan pembangunan bandar dan luar bandar selaras dengan pembangunan penempatan bandar baru yang mencerminkan perpaduan rakyat.”<sup>52</sup>

Dalam titah ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah pada 5 Disember 1990, penekanan diberikan kepada usaha kerajaan untuk penyampaian maklumat yang berkesan dan melibatkan rakyat dalam pembangunan negara.<sup>53</sup> Salah satu agenda utama yang diketengahkan ialah usaha peningkatan kualiti hidup rakyat, khususnya melalui penyediaan program perumahan yang dirancang dengan teliti. Dalam meningkatkan kualiti hidup, kerajaan komited menyediakan perumahan melalui program-program perumahan di Selangor. Usaha turut ditumpukan kepada mengintegrasikan kampung-kampung, termasuk kampung baru, ke dalam rancangan pembangunan bandar dan luar bandar, sejajar dengan penempatan bandar baharu yang menekankan perpaduan rakyat. Integrasi ini bertujuan untuk menghapuskan jurang antara kawasan luar bandar dan bandar, sekali gus memacu pembangunan penempatan bandar baru yang mencerminkan perpaduan nasional. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan aspek fizikal pembangunan tetapi juga berusaha untuk mewujudkan keseimbangan sosial, ekonomi, dan budaya dalam masyarakat yang lebih inklusif. Pendekatan holistik kerajaan dalam memajukan kampung baru menunjukkan komitmen untuk memastikan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Usaha ini bukan sahaja memperkuuh perpaduan masyarakat tetapi juga menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih terancang dan mampan.

Di samping itu juga, dalam meringankan beban penduduk yang berpendapatan rendah, Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyediakan peruntukan bagi pinjaman pembiayaan rumah-rumah kos rendah. Di kawasan kampung baru yang terletak di kawasan pusat bandar, sebahagian daripada kemajuan perumahan kos rendah ditempatkan berdekatan dengan kampung baru yang sedia ada. Kerajaan juga memberi keutamaan untuk memiliki rumah kos rendah ini kepada penduduk kampung yang berpendapatan rendah. Kerajaan tidak membuat sebarang keuntungan daripada projek rumah murah kerana langkah dalam memberikan dana pembiayaan rancangan rumah murah bertujuan untuk memberi bantuan untuk golongan pendapatan rendah.<sup>54</sup> Penetapan bayaran ansuran bulanan sebanyak \$55.98 adalah jumlah yang dikira dalam bayaran ansuran yang diperolehi dalam tempoh 17 tahun.<sup>55</sup> Harga pembinaan bagi sebuah rumah murah ialah sebanyak \$6,711.04 ditambah dengan kos tanah dan ukur sebanyak \$1,300.00 bagi sebuah rumah menjadikan jumlah kos

sebuah rumah sebanyak \$8,011.04.<sup>56</sup> Pembayaran yang dikenakan adalah sama dengan harga pembinaan (harga kontrak), harga tanah dan ukur, harga kerja kemudahan asas seperti jalan, longkang ditambah dengan faedah atas peminjam dari Kerajaan Pusat sebanyak 5 peratus setahun. Oleh itu bayaran ansuran bulan menjadi \$55.98 termasuk faedah 5 peratus setahun yang dibayar dalam tempoh 17 tahun.<sup>57</sup> Kerajaan juga membelanjakan sebanyak \$58,219 untuk membersih dan menyediakan tapak rumah.

Selain itu, bekalan air di kawasan perumahan kos rendah di Selangor merupakan perkara penting dalam memberikan keselesaan kepada penduduk. Masalah boleh timbul apabila tidak ada paip air utama yang boleh disambung atau *water main* yang jauh dari kawasan perumahan.<sup>58</sup> Oleh yang demikian, projek perumahan kos rendah yang dilaksanakan melalui pinjaman dari Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan dibina seiring dengan bekalan air dan elektrik dengan pihak JKR.<sup>59</sup> Pelaksanaan rancangan pembinaan rumah murah ini memberi manfaat kepada sebahagian daripada penduduk kampung baru dalam mendapat rumah kediaman.

### **Perubahan Nama "Kampung Baru"**

Dalam melaksanakan pembangunan kampung baru di Selangor, terdapat cadangan untuk menukar nama kampung tersebut. Cadangan tersebut telah diusulkan oleh Raja Long Chik bin Raja Ishak ke dalam Parlimen untuk menukar nama kampung baru. Penukaran nama kampung tersebut disebabkan beliau merasionalkan bahawa kampung baru bukanlah kampung baru tetapi kampung yang telah lama ditubuhkan. Sukar hendak membezakan antara Kampung Baru dengan Kampung Lama kerana sudah lama menyebabkan kerajaan berusaha untuk menukar imej kampung-kampung baru. Cadangan pengguguran istilah 'baru' dalam nama kampung baru telah dibentangkan oleh Raja Long Chik bin Raja Ishak:

“...Sepatutnya ini tidak ada beza lagi antara Kampung Baru dan Kampung Lama. Kalau begitu baik kita kata Kampung Baru dan Kampung Lama sahaja. Kampung Lama yang ada dusun di tengah-tengah. Kampung Baru adalah yang berkawat duri. Tetapi sekarang kawat duri tidak ada darurat sudah habis, mereka yang duduk di kampung baru sudah keluar ke bandar-bandar dan bekerja. Saya harap nama kampung baru ditukarkan kepada Kampung sahaja, misalnya Kampung Sungai Chua atau Kampung Baru Sungai Chua.....”<sup>60</sup>

Kenyataan Raja Long Chik bin Raja Ishak dalam Dewan Rakyat pada 16 Januari 1974 mencerminkan pandangan kritikal terhadap perbezaan antara kampung baru dan Kampung Lama. Beliau menekankan bahawa istilah "Kampung Baru" sudah tidak lagi relevan dalam konteks sosioekonomi Malaysia, memandangkan perubahan keadaan sejak tamatnya darurat. Pada asalnya, Kampung baru dibezakan melalui ciri fizikalnya seperti pagar kawat berduri yang dibina atas faktor keselamatan. Namun, dengan berakhirnya ancaman darurat, peranan dan identiti kampung baru telah berubah, dengan kebanyakan penduduknya beralih kepada kehidupan bandar dan pekerjaan yang lebih moden. Raja Long Chik mencadangkan supaya istilah "Kampung Baru" digantikan dengan nama yang lebih umum, seperti "Kampung" diikuti dengan nama tempat contohnya, Kampung Sungai Chua. Cadangan ini bertujuan untuk menghapuskan perbezaan simbolik yang tidak lagi mempunyai makna praktikal, selain mengiktiraf perkembangan semasa kawasan tersebut. Transformasi istilah ini juga bertujuan

untuk menyatupadukan masyarakat kampung tanpa membezakan sejarah asal-usulnya. Cadangan untuk menyatukan Kampung Baru dan Kampung Lama di bawah istilah "Kampung" menggariskan usaha untuk memodenkan kawasan luar bandar sambil memupuk identiti bersama.

Pada 10 Disember 1990, dalam sesi perbahasan Dewan Rakyat, isu mengenai perubahan nama "Kampung Baru" kepada "Kampung" telah dibangkitkan, di mana Tuan Wee Choo Keong mengemukakan pertanyaan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr. Ting Chew Peh. Beliau bertanya mengenai kesan perubahan ini terhadap peruntukan yang diterima oleh kampung-kampung tersebut, terutamanya berbanding dengan peruntukan yang diterima semasa mereka dikenali sebagai "Kampung Baru." Tuan Wee juga meminta penjelasan mengenai sama ada kampung yang telah menukar status nama ini akan menerima peruntukan yang setara dengan peruntukan yang diterima sebelumnya.<sup>61</sup> Sebagai jawapan kepada pertanyaan tersebut, Dr. Ting Chew Peh menjelaskan bahawa pengguguran perkataan "Baru" dalam istilah "Kampung Baru" adalah bertujuan untuk menghapuskan imej yang mengaitkan penempatan tersebut dengan kawasan kawalan keselamatan semasa darurat. Penggunaan perkataan "Kampung Baru" sememangnya mempunyai faktor sejarah yang berkait rapat dengan penubuhan kampung-kampung ini semasa darurat, di mana mereka dikenakan kawalan keselamatan yang ketat, dengan penggunaan kawat duri dan peraturan yang membatasi pergerakan penduduk. Sejarah ini menyebabkan penempatan tersebut dikenali sebagai kawasan yang terasing dan terkawal, yang tidak sesuai dengan perubahan sosioekonomi pasca-darurat.<sup>62</sup> Langkah pengguguran perkataan "Baru" ini bukan sahaja untuk menghapuskan imej negatif tersebut tetapi juga untuk mencerminkan perubahan dalam dasar pembangunan kerajaan yang lebih inklusif dan terbuka. Dr. Ting menegaskan bahawa keputusan ini tidak bermakna kerajaan mengurangkan perhatian terhadap pembangunan kampung-kampung tersebut. Sebaliknya, komitmen kerajaan untuk memberikan perhatian yang adil dan saksama kepada semua kampung yang memerlukan peruntukan pembangunan, tanpa mengira status nama mereka. Oleh yang demikian, walaupun berlaju perubahan nama kampung baru, peruntukan yang sama masih diberikan oleh kerajaan.

Sejarah penubuhan kampung baru semasa darurat, yang pada asalnya bertujuan untuk mengawal dan memisahkan penduduk dari ancaman komunis, turut memberi impak kepada keputusan untuk menggugurkan perkataan "Baru." Oleh itu, keputusan untuk menukar nama kampung-kampung ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menghapuskan imej tersebut dan mengintegrasikan mereka ke dalam pembangunan negara secara lebih holistik dan teratur. Langkah ini juga menggambarkan komitmen kerajaan untuk memastikan bahawa pembangunan tidak terhad kepada kampung baru sahaja, tetapi turut melibatkan kampung tradisional. Pemerhatian kerajaan terhadap keperluan setiap kawasan akan terus diteruskan dengan menekankan prinsip keadilan dalam pengagihan peruntukan pembangunan, tanpa mengira status nama kampung tersebut. Dengan menggugurkan perkataan "Baru", kerajaan dapat memberi tumpuan yang lebih menyeluruh kepada pembangunan sosial dan ekonomi kampung-kampung tersebut, serta menghapuskan kaitan sejarah yang mungkin menghalang proses integrasi dan pembangunan selanjutnya.

Jadual 2 : Perubahan Nama Kampung Baru di Selangor 1990

Daerah	Kampung Baru	Nama yang diubah	Perubahan

Gombak	Kg. Baru Kepong Ulu Kg. Baru Hulu Kelang Kg. Baru Kundang Kg. Baru Rawang Kg. Baru Kuang	Kg. Baru Kepong Ulu Kuala Ampang Kg. Baru Kundang Kg. Baru Sungai Terentang Kg. Stesyen Kuang	- / - / /
Klang	Kg. Baru Perlabuhan	Kg. Pandamaran	/
Kuala Langat	Kg. Baru Jenjarom Kg. Baru Tanjung Sepat	Kg. Seri Jarum Tanjung Sepat Indah	/ /
Kuala Selangor	Kg. Baru Batang Berjuntai Kg. Baru Tiram Buruk Kg. Baru Ijok	Kg. Seri Berjuntai Kg. Tiram Setia Kg. Baru Ijok	/ / -
Hulu Langat	Kg. Baru Ampang Kg. Baru Broga Kg. Baru Batu 11, Cheras Kg. Baru Balakong Kg. Baru Semenyih Kg. Baru Batu 18 Ulu Langat Kg. Baru Batu 9 Cheras Kg. Baru Batu 14 Hulu Langat Kg. Baru Sungai Chua Kg. Baru Bangi	Kg. Baru Ampang Kg. Broga Kg. Batu 11 Cheras Balakong Kg. Baru Semenyih Kg. Kenangan 18 Kg. Batu 9 Cheras Kg. Baru Batu 14 Hulu Langat Kg. Kwan Tung Baru Kg. Baru Bangi	- / / / - / / - / - / - /
Petaling	Kg. Baru Sg. Way Kg. Baru Batu 14, Puchong Kg. Baru Serdang Kg. Baru Damansara Kg. Baru Sungai Buloh Kg. Baru Subang	Kg. Seri Setia Kg. Baru Batu 14, Puchong Kg. Seri Kembangan Kg. Seri Damansara Kg. Seri Sungai Buloh Kg. Seri Subang	/ - / / / /
Sepang	Kg. Baru Dengkil Kg. Baru Salak Kg. Baru Sungai Pelek Kg. Baru Sepang	Kg. Baru Dengkil Kg. Baru Salak Kg. Seri Sungai Pelek Kg. Sepang Jaya	- - / /
Hulu Selangor	Kg. Baru Ulu Yam Baru Kg. Baru Serendah Kg. Baru Ulu Yam Lama Kg. Baru Kuala Kubu Baru Kg. Baru Rasa Kg. Baru Kerling Kg. Baru Kalumpang Kg. Baru Batang Kali	Kg. Baru Gurney Kg. Damai Kg. Stesyen Kg. Asam Kumbang Kg. Chuang Kg. Air Panas Kg. Sejantung Kg. Bukit Chandang	/ / / / / / / /
Sabak Bernam	Kg. Baru Site A, Sekinchan Kg. Baru Site B, Sekinchan Kg. Baru Site C, Sekinchan	Kg. Baru Site A Sekinchan Kg. Baru Site B Sekinchan Kg. Baru Site C Sekinchan	- - -

Sumber: Diubahsuai daripada Lin Ting Hui & Song Wanying, *50 Tahun Kampung Baru di Malaysia*, Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Masyarakat Cina, 2000, p. 20-43.

Berdasarkan Jadual 2, perubahan nama Kampung Baru di Selangor pada tahun 1990 mencerminkan usaha kerajaan dalam menyusun semula identiti kawasan perkampungan dengan memberi nama yang lebih moden dan bersesuaian dengan pembangunan semasa. Perubahan ini melibatkan beberapa daerah utama di Selangor seperti Gombak, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Hulu Langat, Petaling, Sepang, Hulu Selangor, dan Sabak Bernam.<sup>63</sup> Dalam daerah Gombak, beberapa Kampung Baru seperti Kg. Baru Hulu Kelang, Kg. Baru Kundang, dan Kg. Baru Kuang mengalami perubahan tetapi terdapat beberapa kampung yang tidak mengalami perubahan nama. Sebagai contoh, Kg. Baru Kepong Ulu dan Kg. Baru Kundang mengekalkan namanya. Di Klang, perubahan yang ketara adalah Kg. Baru Pelabuhan yang dinamakan semula sebagai Kg. Pandamaran. Manakala di Kuala Langat, Kg. Baru Jenjarom dan Kg. Baru Tanjung Sepat ditukar kepada Kg. Seri Jarum dan Tanjung Sepat Indah. Daerah Kuala Selangor pula mencatat perubahan seperti Kg. Baru Batang Berjuntai yang dinamakan semula sebagai Kg. Seri Berjuntai dan Kg. Baru Tiram Buruk menjadi Kg. Tiram Setia. Namun, Kg. Baru Ijok mengekalkan namanya. Di Hulu Langat, perubahan yang berlaku termasuk Kg. Baru Batu 18 Ulu Langat yang dinamakan sebagai Kg. Kenangan 18 dan Kg. Baru Sungai Chua yang bertukar menjadi Kg. Kwan Tung Baru. Begitu juga di daerah Petaling, di mana beberapa kampung baru mengalami perubahan seperti Kg. Baru Sg. Way kepada Kg. Seri Setia dan Kg. Baru Serdang menjadi Kg. Seri Kembangan. Bagi daerah Sepang, perubahan yang berlaku termasuk Kg. Baru Sungai Pelek yang ditukar menjadi Kg. Seri Sungai Pelek, sementara yang lain seperti Kg. Baru Dengkil dan Kg. Baru Salak mengekalkan nama asalnya. Hulu Selangor pula mencatat perubahan yang lebih banyak, di mana beberapa Kampung Baru seperti Kg. Baru Ulu Yam Baru ditukar menjadi Kg. Baru Gurney dan Kg. Baru Serendah menjadi Kg. Damai. Sebaliknya, daerah Sabak Bernam menunjukkan kelainan kerana ketigatiga kampung baru yang disenaraikan iaitu Kg. Baru Site A, Site B, dan Site C di Sekinchan tidak mengalami perubahan nama. Secara keseluruhan, perubahan nama Kampung Baru di Selangor ini menunjukkan usaha kerajaan dalam memperkemaskan identiti kampung-kampung yang berkaitan, selari dengan perkembangan ekonomi dan sosial yang lebih moden.

## Kesimpulan

Usaha kerajaan dalam meningkatkan kemudahan di kampung baru telah membawa perubahan yang ketara terhadap kehidupan penduduk di Selangor. Kerajaan memberikan perhatian yang mendalam terhadap kebijakan penduduk kampung baru. Pembangunan di kampung baru telah membawa perubahan positif dari segi taraf sosial dan taraf hidup masyarakat. Dengan usaha yang berterusan oleh kerajaan, pembangunan yang menyeluruh di kampung baru dijangka akan membawa perubahan yang lebih besar dan memastikan kejayaan dalam proses pembangunan sosial. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1970 menjadi titik tolak penting dalam agenda pembangunan sosial di kawasan ini, dengan objektif membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Pendekatan komprehensif kerajaan melalui DEB telah menghasilkan perubahan termasuk status pemilikan tanah, perubahan nama kampung dan penyediaan rumah kos rendah yang secara tidak langsung meningkatkan pembangunan infrastruktur sosial di kampung baru. Namun, kejayaan ini tidak dicapai tanpa cabaran. Ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar, perbezaan taraf hidup antara kaum, dan kekangan kewangan menjadi cabaran yang memerlukan perhatian berterusan. Kerjasama antara kerajaan pusat, kerajaan negeri, dan masyarakat setempat terus menjadi asas dalam memastikan keberkesanan usaha pembangunan kampung baru di Selangor.

## Penghargaan:

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya kerana membantu dan memberi galakan dalam penulisan ini.

## Biodata

\* Mohammad Bukhari Bin Badrol Hisham (eryna77@yahoo.com) (corresponding author) merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sejarah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

\*\* Profesor Madya Dr. Ho Hui Ling ([hohuiling@um.edu.my](mailto:hohuiling@um.edu.my)) merupakan Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Received: 26 Februari 2025

Reviewed: 21 April 2025

Accepted: 27 Jun 2025

## Nota

<sup>1</sup> Harold Briggs, *Report on The Emergency In Malaya From April to November 1951*, Kuala Lumpur: Print at the Government Printer, 1951, hlm. 6.

<sup>2</sup> Jumlah kampung baru mengalami perubahan mengikut masa kerana penempatan semula penduduk ke kawasan kampung baru adalah berdasarkan kepada keperluan dalam membendung hubungan di antara penduduk dengan pihak pengganas komunis. Lihat Surat Jabatan Perangkaan Malaysia kepada Setiausaha Kementerian Perancangan Am & Penyelidikan Sosio-Ekonomi bertarikh 28 Ogos 1985, Penyelidikan Sosio-Ekonomi 431/Jld 1, Kajian Ke Atas Kampung-kampung Baru, 26 Oktober 1976.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ray Nyce, *Chinese New Villages in Malaya, A Community Study*, Singapura: Malayan Sociological Research Institute ltd, 1973, hlm. 23.

<sup>5</sup> Surat Jabatan Perangkaan Malaysia kepada Setiausaha Kementerian Perancangan Am & Penyelidikan Sosio-Ekonomi bertarikh 28 Ogos 1985, Penyelidikan Sosio-Ekonomi 431/Jld. 1, Kajian Ke Atas Kampung-kampung Baru, 26 Oktober 1976.

<sup>6</sup> Rahmat Saripan, Masyarakat Melayu Abad ke-19, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 30.

<sup>7</sup> Statistical Information Concerning New Village in the Federation of Malaya, B.A SEL. 87/1953, Survey of Individual New Villages, 1953.

<sup>8</sup> Kemajuan Masyarakat (Community Development) Di Kampung-Kampung Baru, Kementerian Perumahan Dan Kemajuan Perkampungan, Kementerian Pertanian, 538/22/1, Kajian terhadap Kampung Baru, 18 November 1977.

<sup>9</sup> Kesan Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Terhadap Perpaduan Negara, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, Unit Penyelidikan Sosioekonomi, Jabatan Perdana Menteri, PPPM 1050/80, Fail Seminar Asas Perangkaan Untuk Perancangan Pembangunan Sosial, UPSE (5) 2352/1, 1979.

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia, 50 Membangun Luar Bandar: Satu Komitmen Berterusan, Kuala Lumpur: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia, 2012, p. 32.

<sup>12</sup> Ibid.

<sup>13</sup> Surat Kementerian Perumahan Dan Kampung-Kampung Baru Bahagian Perancang Ekonomi kepada Ketua Setiausaha Negara bertarikh 13 Januari 1976, Jabatan Perdana Menteri BPE II/III/97 VOL: I, RMT, Anggaran Perumahan Rancangan Malaysia Ketiga, 3 March 1976.

<sup>14</sup> Ibid.

<sup>15</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Ketiga), Jilid III, Bil. 28, 28 November 1973, hlm. 3122.

- <sup>16</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Parlimen ketujuh, (Penggal Keempat), 6 Mac 1990, hlm.992.
- <sup>17</sup> Kemajuan Masyarakat (Community Development) Di Kampung-Kampung Baru, Kementerian Perumahan Dan Kemajuan Perkampungan, Kementerian Pertanian, 538/22/1, Kajian terhadap Kampung Baru, 18 November 1977, hlm. 4.
- <sup>18</sup> Ibid.
- <sup>19</sup> Parti Gerakan Rakyat Malaysia, *Pembangunan Kampung-kampung Baru: Analisa, Masalah dan Cadangan Penyelesaian*, Kuala Lumpur: Parti Gerakan Rakyat Malaysia, 1986, hlm.19.
- <sup>20</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Kedua), Jilid II Bil. 38. Khamis, 21hb Disember, 1972, hlm. 4798-4800.
- <sup>21</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Ketiga), Jilid III Bil. 10. 3 Mei 1973, hlm.1055.
- <sup>22</sup> Parti Gerakan Rakyat Malaysia, *Pembangunan Kampung-kampung Baru: Analisa, Masalah dan Cadangan Penyelesaian*, Kuala Lumpur: Parti Gerakan Rakyat Malaysia, 1986, hlm. 20.
- <sup>23</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Ketiga), Jilid III Bil. 53, 16 Januari, 1974, hlm. 6184.
- <sup>24</sup> Ibid.
- <sup>25</sup> Ibid.
- <sup>26</sup> Minit Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara bertarikh 8 Jun 1972, Jabatan Perdana Menteri JPN, Sulit 508, Kajian Kampung-kampung Baru, 12 Jun 1972, hlm. 3.
- <sup>27</sup> Ibid.
- <sup>28</sup> Report To His Excellency Sir Donald Magcgillivray High Commissioner of The Federation Of Malaya, BY W.C.S Corry, BASF 72/54, C.B.E, *Economic Survey on New Village, A General Survey of New Villages*, 12 October 1954.
- <sup>29</sup> Ibid.
- <sup>30</sup> Minit Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara bertarikh 9 Jun 1972, MKN (S)336/JLD.3/ (51), Kajian Kampong-kampung Baru, 12 Jun 1972, hlm. 9.
- <sup>31</sup> Parti Gerakan Rakyat Malaysia, *Pembangunan Kampung-kampung Baru: Analisa, Masalah dan Cadangan Penyelesaian*, Kuala Lumpur: Parti Gerakan Rakyat Malaysia, 1986, p. 21.
- <sup>32</sup> Raja Nong Chik Bin Raja Ishak meminta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan bilangan penduduk kampung baru yang telah mendapat geran tanah masing masing untuk membina rumah hingga sekarang dan bilangan yang masih menunggu untuk mendapatkannya. Lihat Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Ketiga), Jilid III Bil. 10, 3 Mei 1973, hlm. 1055.
- <sup>33</sup> Ibid.
- <sup>34</sup> Ibid.
- <sup>35</sup> Ibid.
- <sup>36</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, (Penggal Keempat), 12 Jun 1990, hlm. 3353-3354.
- <sup>37</sup> Ibid.
- <sup>38</sup> Ibid., hlm. 3357-3358.
- <sup>39</sup> Ibid., hlm. 3162-3354.
- <sup>40</sup> Ibid., hlm. 3357-3358.
- <sup>41</sup> Parti Gerakan Rakyat Malaysia, *Pembangunan Kampung-kampung Baru: Analisa, Masalah dan Cadangan Penyelesaian*, Kuala Lumpur: Parti Gerakan Rakyat Malaysia, 1986, hlm. 22.
- <sup>42</sup> Ibid.
- <sup>43</sup> Kesan Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Terhadap Perpaduan Negara, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, Unit Penyelidikan Sosioekonomi, Jabatan Perdana Menteri, PPPM 1050/80, Seminar Asas Perangkaan Untuk Perancangan Pembangunan Sosial, UPSE (5) 2352/1, 1979.
- <sup>44</sup> Parti Gerakan Rakyat Malaysia, *Pembangunan Kampung-kampung Baru: Analisa, Masalah dan Cadangan Penyelesaian*, Kuala Lumpur, 1986, hlm.. 22.
- <sup>45</sup> Ibid.
- <sup>46</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Keempat, (Penggal Pertama), Jilid I Bil. 3, 7 November, 1974, hlm.158-159.
- <sup>47</sup> Tuan Fan Yew Teng di bawah S.O. 24 minta Menteri Perumahan dan Kampung Baru menyatakan setakat mana keperluan perumahan dikehendaki di kalangan orang yang miskin dan golongan pekerja dan sama ada rancangan besar-besaran seluruh negara sedang dirancangkan bagi mengadakan perumahan harga murah yang mencukupi untuk golongan berpendapatan rendah sama ada di kampung atau di pekan. Ibid., hlm. 158-159.

- <sup>48</sup> Kemajuan Masyarakat (Community Development) Di Kampung-Kampung Baru, Kementerian Perumahan Dan Kemajuan Perkampungan, Kementerian Pertanian, 538/22/1, Kajian terhadap Kampung Baru, 18 November 1977, hlm. 3.
- <sup>49</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Keempat, (Penggal Pertama), Jilid I Bil. 3, 7 November 1974, hlm. 158-159.
- <sup>50</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Ketiga), Jilid III Bil. 26, 23 April 1973, hlm. 412.
- <sup>51</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Ketiga), Jilid III Bil. 10, 3 Mei 1973, hlm. 1055.
- <sup>52</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, (Penggal Pertama), Jilid I, Bil. 2, 5 Disember 1990, hlm. 64.
- <sup>53</sup> Ibid.
- <sup>54</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Kedua), Jilid III, Bil. 50, 11 Januari, 1974, hlm.1843-1844.
- <sup>55</sup> Ibid.
- <sup>56</sup> Ibid.
- <sup>57</sup> Ibid.
- <sup>58</sup> Kemajuan Masyarakat (Community Development) Di Kampung-Kampung Baru, Kementerian Perumahan Dan Kemajuan Perkampungan, Kementerian Pertanian, 538/22/1, Kajian terhadap Kampung Baru, 18 November 1977, hlm. 4.
- <sup>59</sup> Ibid.
- <sup>60</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, (Penggal Pertama), Jilid I, Bil. 2, 5 Disember 1990, hlm. 64.
- <sup>61</sup> Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, (Penggal Pertama), Jilid I, Bil. 4, 10 Disember 1990, hlm. 451-452.
- <sup>62</sup> Ibid., hlm. 548.
- <sup>63</sup> Lin Ting Hui & Song Wanying, *50 Tahun Kampung Baru di Malaysia* (Buku Bahasa Cina), Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Masyarakat Cina, 2000, hlm. 20-43

## Rujukan

Harold Briggs, *Report on The Emergency In Malaya From April to November 1951*, Kuala Lumpur: Print at the Government Printer, 1951.

Kemajuan Masyarakat (Community Development) Di Kampung-Kampung Baru, Kementerian Perumahan Dan Kemajuan Perkampungan, Kementerian Pertanian, 538/22/1, Kajian terhadap Kampung Baru, 18 November 1977.

Kesan Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Terhadap Perpaduan Negara, Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia, Unit Penyelidikan Sosioekonomi, Jabatan Perdana Menteri, PPPM 1050/80, Seminar Asas Perangkaan Untuk Perancangan Pembangunan Sosial, UPSE (5) 2352/1, 1979.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia, 50 Membangun Luar Bandar: Satu Komitmen Berterusan, Kuala Lumpur: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia, 2012.

Lin Ting Hui, Song Wanying, *50 Tahun Kampung Baru di Malaysia* (Buku Bahasa Cina), Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Masyarakat Cina, 2000.

Minit Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara bertarikh 8 Jun 1972, Jabatan Perdana Menteri JPN, Sulit 508, Kajian Kampung-kampung Baru, 12 Jun 1972.

Minit Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara bertarikh 9 Jun 1972 dalam MKN (S)336/JLD.3/ (51), Kajian Kampong-kampong Baru, 12 Jun 1972.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Kedua), Jilid II Bil. 38. Khamis, 21hb Disember, 1972.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Ketiga), Jilid III Bil. 10, 3 Mei 1973.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Ketiga), Jilid III Bil. 26, 23 April 1973.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Ketiga), Jilid III, Bil. 28, 28 November 1973.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Kedua), Jilid III, Bil. 50, 11 Januari, 1974.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, (Penggal Ketiga), Jilid III Bil. 53, 16 Januari, 1974.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Keempat, (Penggal Pertama), Jilid I Bil. 3, 7 November, 1974.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, (Penggal Keempat), 12 Jun 1990.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Parlimen Ketujuh, (Penggal Keempat), 6 Mac 1990.

Penyata Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, (Penggal Pertama), Jilid I, Bil. 2, 5 Disember 1990.

Parti Gerakan Rakyat Malaysia, *Pembangunan Kampung-kampung Baru: Analisa, Masalah dan Cadangan Penyelesaian*, Kuala Lumpur: Parti Gerakan Rakyat Malaysia, 1986.

Ray Nyce, *Chinese New Villages in Malaya, A Community Study*, Singapura: Malayan Sociological Research Institute ltd, 1973.

Rahmat Saripan, Masyarakat Melayu Abad ke -19, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

Report To His Excellency Sir Donald Magcgillivray High Commissioner of The Federation Of Malaya, BY W.C.S Corry, BASF 72/54, C.B.E, *Economic Survey on New Village, A General Survey of New Villages*, 12 October 1954.

Surat Jabatan Perangkaan Malaysia kepada Setiausaha Kementerian Perancangan Am & Penyelidikan Sosio-Ekonomi bertarikh 28 Ogos 1985, Penyelidikan Sosio-Ekonomi 431/Jld. 1, Kajian Ke Atas Kampung-kampung Baru, 26 Oktober 1976.

Surat Bahagian Perancang Ekonomi Kementerian Perumahan Dan Kampung-Kampung Baru kepada Ketua Setiausaha Negara bertarikh 13 Januari 1976, Jabatan Perdana Menteri BPE II/III/97 VOL: I, RMT, Anggaran Perumahan Rancangan Malaysia Ketiga, 3 Mac 1976.

Statistical Information Concerning New Village in the Federation of Malaya, B.A SEL. 87/1953, Survey of Individual New Villages, 1953.